

Piala Monsun bukan sekadar acara sukan – Abdullah

KUALA TERENGGANU 29 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menggesa sektor korporat supaya tidak menganggap perlumbaan kapal layar Piala Monsun sebagai acara sukan semata-mata, tetapi juga suatu acara yang mampu menggalakkan kemajuan sektor pelancongan dan pembangunan industri berasaskan marin di negara ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia perlu memahami dan menghayati perlumbaan kapal layar agar matlamat Piala Monsun yang dianjurkan dapat menghasilkan impak maksimum.

“Piala Monsun tidak patut dianggap sebagai satu acara sukan semata-mata, tetapi suatu acara yang akan menggalakkan pelancongan dan pembangunan industri berasaskan marin.



“Oleh itu, sektor korporat perlu memainkan peranan lebih besar melalui penajaan bagi memantapkan usaha kerajaan menjadikan Piala Monsun satu kejayaan,” kata Perdana Menteri dalam perutusan yang terkandung dalam buku cenderamata Piala Monsun 2006 yang disempurnakan perasmiannya oleh Sultan Terengganu Sultan

Mizan Zainal Abidin di sini hari ini.

Abdullah dijadual merasmikan penutupan acara lima hari bertaraf dunia itu di Pulau Duyong Ahad ini.

Sebanyak 12 pasukan dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam perlumbaan itu yang menawarkan hadiah utama RM1 juta.

Abdullah berkata, sebelum ini musim monsun tidak pernah mengundang perhatian dan menarik minat begitu banyak pelancong untuk datang ke negara ini.

“Sebelum ini, orang mengelak daripada datang pada musim monsun, kini mereka melawat negara ini dan setiap orang ada perkara yang hendak dilakukannya.

“Saya gembira melihat minat yang diberi oleh seluruh dunia terhadap Piala Monsun 2005. Kejayaan Piala Monsun yang julung

kali diadakan itu menunjukkan bahawa dalam setiap keadaan negatif, terdapat perkara positif yang patut kita manfaatkan.

“Kita perlu ubah persepsi kita untuk menjadi lebih berdaya saing dalam usaha kita untuk mencapai Wawasan 2020. Saya gembira melihat Piala Monsun 2005 membawa kita lebih hampir kepada matlamat itu,” kata Abdullah.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said pula berkata, Piala Monsun terbukti menjadi pemangkin dalam mewujudkan kesedaran bahawa belayar merupakan sejenis sukan yang menuntut daya tahan, kelajuan dan kerjasama berpasukan, selain menampilkan Terengganu sebagai destinasi pelayaran paling terkemuka suatu hari nanti.

– Bernama